

Kualiti Aset Perbankan Islam Malaysia Dalam Persaingan Liberalisasi Kewangan

Noor Aznaim Abd Latib
Jabatan Syariah Ekonomi
Akademi Pengajian Islam
University Malaya
azreym21@yahoo.com

Ahmad Azam Sulaiman
Jabatan Syariah Ekonomi
Akademi Pengajian Islam
University Malaya
ahmadazams@um.edu.my

Mohammad Taqiuddin Mohamad
Jabatan Syariah Ekonomi
Akademi Pengajian Islam
University Malaya
m.taqiuddin@um.edu.my

ABSTRAK

Kebebasan ekonomi adalah kunci kepada peluang dan kualiti hidup yang lebih besar. Kebebasan ekonomi adalah penting kerana ia memberi kesan kepada setiap aspek kehidupan individu. Tingkat kebebasan ekonomi lazimnya membawa kepada pendapatan yang lebih tinggi, paras kemiskinan dan pengangguran yang lebih rendah, jangkaan hayat yang lebih panjang, dan persekitaran yang lebih bersih. Kebebasan ekonomi lebih meningkatkan kesejahteraan dan membawa kepada kualiti hidup yang lebih tinggi. Objektif artikel ini adalah untuk mengkaji kesan kebebasan ekonomi terhadap kualiti aset perbankan Islam Malaysia dalam tempoh 2007-2013. Kajian ini menggunakan kaedah penganggaran panel bagi 11 buah Islam di Malaysia bermula pada tahun 1997 sehingga 2013 bagi mengkaji bagaimana petunjuk kebebasan ekonomi di Malaysia mempengaruhi corak agihan pembiayaan sektor perbankan Islam di Malaysia selain melihat faktor-faktor lain yang turut mempengaruhinya. Kajian akan menunjukkan bahawa kebebasan kewangan yang lebih positif mempengaruhi corak kualiti aset bank-bank Islam yang beroperasi dalam sektor perbankan Islam Malaysia.

PENGENALAN

Sektor kewangan dijangka menjadi pendorong dan pemangkin pertumbuhan ekonomi yang lebih penting dalam peralihan Malaysia ke arah mencapai status ekonomi maju pada tahun 2020. Bagi menyediakan sektor perkhidmatan kewangan memenuhi keseluruhan matlamat tersebut, kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan dasar liberalisasi kewangan pada 27 April 2009 yang mana dilihat lebih menjurus kepada sektor kewangan Islam.

Liberalisasi kewangan adalah satu bentuk reformasi dasar kewangan yang melibatkan proses pemansuhan beberapa bentuk sekatan dalam pasaran ekuiti yang bertujuan menggalakkan penyertaan pelabur asing dalam pasaran ekuiti domestik. Pemansuhan sekatan ini membolehkan pelabur asing mengakses pasaran modal domestik dan pelabur tempatan juga dapat mengakses pasaran modal asing dengan mudah yang mana disebabkan oleh kos modal yang rendah kesan liberalisasi. Kesan langsung liberalisasi kewangan ialah dapat menarik sumber dana baru dari luar negara dan memberi kesediaan kepada Malaysia dan pasaran kewangan antarabangsa.

Perlaksanaan ini dianggap mampu memberi kesan ke atas ekonomi benar kerana liberalisasi kewangan berupaya menggalakkan kemasukan pelabur langsung asing dan seterusnya membawa kepada pertumbuhan yang tinggi dalam pembangunan industri kewangan Malaysia yang akhirnya dapat memacu pertumbuhan ekonomi dengan pesat dalam jangka masa panjang.

Dalam konteks pasaran kewangan di Malaysia, kerajaan Malaysia telah melaksanakan dasar liberalisasi kewangan sejak sekian lama iaitu lebih 30 tahun yang lalu. Walaubagaimanapun, dasar

liberalisasi kewangan yang telah dilaksanakan sebelum ini tidak dilakukan secara menyeluruh, sebaliknya ia dilaksanakan secara berperingkat dan telah melalui beberapa fasa tertentu sejak tahun 1970an lagi. Langkah-langkah liberalisasi dilaksanakan dari tahun 1978 sehingga tahun 2012, adalah sejajar dengan inisiatif kerajaan untuk menggalakkan perubahan struktur dalam ekonomi dan mempelbagaikan sumber pertumbuhan untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Dasar liberalisasi kewangan yang telah dilaksanakan pada 2009 adalah berbeza berbanding dengan dasar liberalisasi yang pernah dilakukan sebelum ini. Dasar liberalisasi ini bukan hanya melibatkan industri perbankan tetapi merangkumi industri kewangan yang lain seperti takaful, insuran, serta lebih menjurus kepada sektor kewangan islam.

Persoalan yang timbul dalam perbincangan diatas ialah adakah dasar liberalisasi kewangan yang dilaksanakan sejak 30 tahun yang lalu merupakan dasar yang terbaik dan mampu meningkatkan prestasi perbankan islam di Malaysia. Sejauhmana keberkesanan dasar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ini serta implikasinya terhadap perbankan islam.

Objektif utama kajian ini menganalisis keberkesanan dasar liberalisasi kewangan terhadap kualiti aset yang ditawarkan oleh perbankan islam di Malaysia. Kertas kerja ini disusun seperti berikut; bahagian kedua adalah kajian lepas. Bahagian ketiga membincangkan berkaitan spesifikasi model diikuti sampel kajian dibahagikan keempat, analisis empirikal di bahagian kelima dan yang terakhir adalah kesimpulan kajian termasuk implikasi dasar yang diperoleh.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas secara langsung mahupun tidak langsung membincangkan mengenai kesan liberalisasi kewangan dengan menumpukan dalam aspek perkhidmatan perbankan dan kualiti aset perbankan akibat daripada pelaksanaan dasar liberalisasi kewangan.

Kesan liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan terhadap perbankan

Abu Dzarr Muhammad Rus et al. (2011), telah mengkaji berkaitan kecekapan bank komersial di Malaysia semasa liberalisasi kewangan dan mendapati bank konvensional domestik menjalankan operasi perbankan islam mempunyai teknologi menjimatkan kos berbanding bank-bank yang lain. Walaubagaimanapun, bank islam yang agak baru beroperasi mungkin memerlukan lebih masa lagi untuk bersaing kerana pengkaji mendapati operasi bank islam kurang cekap. Manakala bank konvensional yang mempunyai subsidiari bank islam tidak menunjukkan kesan perbaikan kecekapan dalam tempoh kajian dijalankan. Oleh itu, dasar kerajaan untuk meningkatkan kecekapan bank di Malaysia terutama bank domestik melalui kemasukan bank islam asing dan kemunculan bank islam subsidiari bagi tempoh sampel masih lagi belum tercapai.

Dalam kajian lain yang dilakukan oleh Santoh Kumar Das (2010) mengkaji berkaitan pengalaman di India berhubung dengan liberalisasi kewangan dan kecekapan sektor perbankan sektor kewangan India yang telah mengalami transformasi yang ketara struktur sejak permulaan liberalisasi kewangan pada tahun 1990-an. Ia membawa perubahan ketara di ekonomi India dalam sektor am dan kewangan khususnya. Berlatar belakangkan keadaan ini, pengkaji telah menganalisis prestasi sektor perbankan India sebelum dan selepas liberalisasi kewangan bertujuan untuk mengukur kecekapan kos sektor perbankan di India semasa liberalisasi kewangan dijalankan. Kajian ini mendapati, selepas penyahkawalseliaan, mengakibatkan persaingan yang semakin meningkat. Saham bank-bank swasta dan asing dalam aset perbankan, deposit dan kredit telah meningkat. Keuntungan semua kumpulan bank telah meningkat, tetapi perbankan asing yang lebih menguntungkan.

Kajian mengenai berkaitan liberalisasi sektor perbankan di India turut dikaji oleh Christian Roland (2010), dengan memberi tumpuan kepada 3 dasar yang digubal bagi mengurangkan sekatan dalam kewangan. Satu indeks pengukur bagi menilai samada dasar yang dilaksanakan dapat memberikan kesan yang positif keatas jumlah simpanan, pembentukan modal dan pembangunan kewangan dalam sektor perbankan di India bagi tempoh 1960 hingga 2005. Hasil kajian adalah Sekatan kewangan telah meningkat dari tahun 1960 sehingga 1980 dari segi penentuan kadar faedah, sekatan kemasukan modal asing dan sejak bermulanya dasar liberalisasi kewangan keseluruhannya pada tahun 1991, tahap sekatan kewangan telah merosot. Walaubagaimanapun, dasar liberalisasi ini tidak menunjukkan kesan positif terhadap simpanan, pembentukan modal dan pembangunan kewangan. Hasil kajian ini telah bertentangan dengan ramalan hipotesis liberalisasi kewangan.

Seterusnya kajian liberalisasi kewangan dan pertumbuhan dinamik di India dilakukan oleh Cp Chandrasekhar (2008). Pengkaji menjelaskan berkaitan liberalisasi kewangan, kerapuhan kewangan dan aliran modal asing dan pelaburan domestik di India. Kesan liberalisasi membawa kepada

kerapuhan sistem kewangan yang menggugat pasaran saham. Selain itu, berlaku kemerosotan ekonomi yang menjejaskan pembentukan modal ditambah dengan peningkatan defisit akaun semasa dan ketidakseimbangan akaun pembayaran.

Pankaj Mishra Dan Surender Kumar Gupta (2012), mengkaji berkaitan liberalisasi sektor perbankan dan kesannya pada ekonomi negara India. Kertas kerja ini bertujuan melihat dasar dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi meliberalkan sektor perbankan di India dalam tempoh 15 tahun yang lepas bermula pada 1990 sehingga 2011 serta kesan liberalisasi kewangan kepada sektor perbankan di India keatas kadar tabungan, pinjaman, keluaran dalam negara kasar, infalasi dan tingkat pelaburan dalam sektor perbankan. Hasil dapatan kajian mendapati kesan positif terhadap langkah liberalisasi yang dilaksanakan adalah meningkatkan peranan kuasa pasaran, penambahbaikan peraturan, sistem penilaian pengawalseliaan CAMELS, pengurangan NPAs dan peningkatan dalam teknologi yang digunakan dalam sektor perbankan. Pembaharuan yang dilakukan gagal membawa sistem perbankan di India setanding di peringkat anatarabangsa dan sektor perbankan ini masih dikawal oleh kerajaan sebagai bank sektor awam yang menerajui dalam semua bidang rangkaian perbankan di negara itu.

Kumbhakar, S. & Wang, D (2007), mengkaji reformasi Ekonomi, Kecekapan dan Produktiviti dalam Perbankan di China dengan menggunakan fungsi input jarak jauh dari tahun 1993 sehingga 2002. Hasil kajian mendapati bank yang mempunyai pegangan ekuiti adalah lebih cekap daripada bank milikan kerajaan. Manakala Bank bukan milikan kerajaan ini mengalami pertumbuhan (5-5% setahun) lebih tinggi daripada bank milikan kerajaan iaitu (1.4% setahun) deskriptif melalui hasil kajian yang lepas.

Jiang yu weng (2006) menganalisis liberalisasi kewangan di Asia Timur dan pengajaran yang boleh diambil daripada negara china terhadap kawalan liberalisasi yang dijalankan. Kajian ini melihat pelaksanaan liberalisasi kewangan di beberapa negara di Asia iaitu Indonesia, Malaysia, Cina, Singapura dan Korea dan pengalaman Malaysia mengurus krisis kewangan yang berlaku. Hasilnya, liberalisasi terbahagi kepada dua iaitu akaun modal dan perkhidmatan kewangan. Liberalisasi kewangan akaun modal adalah punca berlaku krisis kewangan. Dalam perkhidmatan kewangan tidak semestinya melibatkan aliran modal secara besar-besaran tetapi memerlukan kawalan modal yang cekap.

Tindakan Malaysia menangani krisis kewangan dan menimbang balik kembali semua dasar yang telah dilaksanakan telah dikaji oleh Shankaran Nambiar (2003). Hasil kajian mendapati pengawalan modal bagi membendung kesan kemerosotan sistem kewangan perlu dipertimbangkan memandangkan 4 tahun sudah dilaksanakan. Selain itu, Perlu di nilai semua manfaat yang bakal diperolehi sebelum melaksanakan liberalisasi kewangan dan globalisasi kewangan. Walaubagaimanapun Malaysia perlu terlibat dalam pasaran global dan melindungi diri dari terdedah kepada katidaktentuan pasaran.

Beberapa kajian lepas juga menunjukkan bahawa wujudnya kesan liberalisasi kewangan terhadap kecekapan bank. Dalam kajian yang dilakukan oleh Tahir et al. (2009) menunjukkan kemasukan bank asing telah mewujudkan persaingan dengan bank domestik berdasarkan anggaran kecekapan yang lebih baik bagi bank domestik. Mamatzakis et al. (2008) yang mendapati kecekapan bank simpanan, institusi kredit yang besar dan bank milikan kerajaan di Eropah yang mempunyai kecekapan kos yang lebih tinggi berbanding bank milik swasta. Levine (2001) pula mengkaji kemungkinan liberalisasi kewangan antarabangsa dapat menambah baik fungsi pasaran kewangan dan bank tempatan seterusnya mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi.

Sekiranya liberalisasi memberikan sumbangan positif kepada pembentukan teknologi, peningkatan produktiviti modal dan pembangunan kewangan serta perbankan, ia dijangka akan mendatangkan pertumbuhan ekonomi serta kewangan negara dalam jangka panjang yang mapan.

Kesan Liberalisasi Terhadap Kualiti Aset Perbankan Islam

Sahila Chaudhry dan Sultan Sigh (2012) mengkaji berkaitan perubahan kualiti aset dalam perbankan di India dengan menggunakan data sekunder dan hasil kajian mendapati perubahan yang berlaku terhadap aset kualiti dan menjadi entiti yang kukuh bagi sektor perbankan di India selepas proses liberalisasi. Selain itu berlaku perubahan dari sudut pengurusan kos yang lebih berkesan, teknologi perbankan yang semakin canggih, keupayaan bank untuk berdaya saing.

Reinout De Bock dan Alexandra Demyanets (2012) membincangkan mengenai Kualiti aset bank dalam pasaran terbuka. Beliau menggunakan set data bagi 25 buah negara sedang membangun dari tahun 1996 hingga 2010 dan mendapati pertumbuhan ekonomi yang lemah akibat daripada kegawatan ekonomi membawa kepada kejatuhan aliran modal dan mengurangkan pertumbuhan kredit dan kualiti pinjaman juga berlaku kemerosotan.

Abdul Latif alhasan, Anthony kyereborh dan Charles Andoh (2014), menganalisis berkaitan Kualiti aset dalam tempoh krisis ekonomi berlaku kajian di bank Ghanaian. Kajian ini tertumpu kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada kemerosotan kualiti aset semasa tempoh krisis kewangan berlaku. Pengkaji menggunakan 25 buah bank di Ghana sebagai sampel dari tahun 2005 hingga 2010. Hasil kajian mendapati pinjaman berbayar, struktur pasaran bank, saiz bank, infalsi dan keluaran dalam negara kasar signifikan terhadap kualiti aset bank di Ghana.

Dickson Pastory dan Marobhe Mutaja (2013), mengkaji berkaitan Pengaruh kecukupan modal dan kedudukan kualiti aset bank-bank di Tanzania. Pengkaji menggunakan pembolehubah modal, pinjaman yang tidak berbayar, modal teras dan pinjaman bersih yang tidak berbayar. Hasil kajian dari 33 buah bank di Tanzania dalam tempoh 2006 hingga 2011 mendapati kecukupan modal mempunyai pengaruh yang besar terhadap kualiti aset. Peningkatan nisbah modal juga boleh mengurangkan produktiviti kualiti aset.

Vighneswara Swamy (2012), dalam kajiannya berkaitan penentuan kualiti aset dan keuntungan bagi tempoh 1997 hingga 2009. Hasil kajian menunjukkan sektor kredit tidak signifikan dalam mempengaruhi NPA. Bank sektor awam dan swasta menunjukkan prestasi positif membendung hutang lapuk. Saiz aset tidak memberi kesan kepada keuntungan bank.

A V Jose (2013), menggunakan semua bank swasta dan milik kerajaan di India sebagai sampel kajian. Kajian dijalankan dari tahun 2010 sehingga 2012 dengan membuat perbandingan antara satu bank dengan bank yang lain. Hasil kajian mendapati sistem perbankan adalah platform utama membangunkan ekonomi India. Sistem pengurusan sumber manusia dan memanfaatkan teknologi sedia ada adalah penting bagi meningkatkan kualiti aset.

Khalid Asyraf Chisti (2012), dalam kajian beliau mengupas berkaitan kesan kualiti aset terhadap keuntungan pada bank swasta. Kajian ini tertumpu kepada kesan kualiti pinjaman terhadap prestasi bank. Pengkaji menggunakan nisbah keuntungan sebagai pembolehubah tetap bagi tempoh 2006 hingga 2007 dan 2010 hingga 2011. Hasil kajian mendapati tidak wujud hubungan antara nisbah aset. Satu keputusan telah menyokong hipotesis kajian bahawa kualiti yang lebih tinggi dalam pemprosesan pinjaman sebelum membuat kelulusan pinjaman dapat meningkatkan prestasi operasi perbankan.

SPEKIFIKASI MODEL

Kajian ini menggunakan 11 buah sampel bank yang menyediakan perkhidmatan perbankan islam meliputi Bank Islam, Bank Islam Subsidiari yang beroperasi di Malaysia. Data kajian ini merujuk kepada laporan tahunan kewangan individu bank setiap tahun dan juga laporan tahunan terkumpul bank-bank perdagangan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan juga meliputi tempoh masa 21 tahun iaitu dari tahun 1994 hingga 2013. Tahun 1994 diambil sebagai tahun permulaan kajian kerana pada tahun ini kerajaan Malaysia melaksanakan Sistem Perbankan Islam (STPI) yang menyaksikan bank-bank perdagangan konvensional turut menawarkan perkhidmatan perbankan islam yang dikenali sebagai *Islamic Window*. Manakala tahun 2013 pula merupakan tahun terkini kajian dilaksanakan. Berikut adalah kerangka ekonomi berkaitan kualiti aset:

$$ASET_{it} = \alpha_1 + \alpha_2 CAP_{it} + \alpha_3 SIZE_{it} + \alpha_4 LIQ_{it} + \alpha_5 IIR_{it} + \alpha_6 MGS_{it} + a_7 OVRL_{it} + a_8 FNC_{it} + \alpha_9 BSS_{it} + a_{10} INF_{it} + \mu_i$$

I = 1,2,.....N (bilangan bank) t = 1,2,.....T (tempoh masa)

PENERANGAN PEMBOLEHUBAH

- I. **Kualiti Aset ($ASET_{it}$)** menurut Abdul Ghafar Ismail (2010), kualiti aset menggambarkan tahap kualiti aset bank. Peningkatan nisbah ini adalah suatu yang serius dan bank perlu membuat peruntukan hutang lapuk dan bermasalah bagi menampung kerugian daripada pembiayaan.
- II. **Kecukupan Modal (CAP_{it})** Menurut Ronald E. Shrieve and Drew Dahl (1992), modal sebagai suatu bahagian liabiliti dalam jumlah lembaran imbalan. Ini termasuk modal berbayar, dana-dana rizab, keuntungan tertahan dan wang modal lain. Modal dan rizab terdiri daripada dana sendiri atau modal teras sesebuah bank. Lebih banyak risiko pelaburan dilakukan maka lebih banyak modal diperlukan. Modal dijadikan pembolehubah bagi mengukur asas kestabilan dan keteguhan sesebuah insituti perbankan islam.

- III. **Kecairan (LIQ_{it})** nisbah yang digunakan bagi mengukur hubungan yang wujud antara pengurusan mudah tunai dan keuntungan bank. Nisbah ini juga menunjukkan bagaimana bank menguruskan mudah tunai bagi memenuhi liabiliti semasa apabila cukup tempoh masa.
- IV. **Jumlah Asset Bank ($SIZE_{it}$)** Menurut Ahmad Azam Sulaiman dan Muhammad Taqiuddin (2010) saiz merupakan jumlah aset kewangan termasuk jaminan dan mewakili jumlah aset. Selain itu, modal juga adalah hasil tambah antara tunai, deposit, pelaburan untuk urusniaga dan pinjaman bank. Saiz juga mencerminkan saiz institusi mempengaruhi risiko sasaran dan tahap modal bank atas faktor hubungannya dengan kepelbagaian risiko, peluang pelaburan dan akses kepada modal ekuiti. Nisbah ini boleh berubah dengan dua faktor. Pertama, perubahan dalam kawalan peraturan modal seperti peningkatan rizab di bank pusat. Disebabkan antara sub komponen dalam $SIZE_{it}$ ialah deposit tunai, maka kejatuhan dalam kadar bunga bank akan menyebabkan peralihan sumber dari bank kepada pembelian aset lain yang boleh mendatangkan pulangan.
- V. **Pembolehkan Kadar Pulangan Pasaran Wang Antara Bank (IIR_{it})** adalah purata harian kadar deposit antara bank di Pasaran Wang Antara Bank Kuala Lumpur, dengan kadar individu diwajibkan dengan jumlah urus niaga pada kadar transaksi dilakukan.
- VI. **Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS_{it})** merupakan pinjaman-pinjaman yang dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan juga kertas-kertas Bank Negara Malaysia dengan tempoh matang sekurang-kurangnya tiga tahun dari tarikh terbitan.
- VII. **Liberalisasi Kewangan (FCL_{it})** merujuk kepada siri perubahan peraturan dan perundangan yang membolehkan melabur asing membeli aset domestik dan warganegara domestik melabur dalam aset asing, yang seterusnya menyebabkan pasaran sekuriti domestik menjadi satu bahagian integral daripada pasaran modal dunia.
- VIII. **Kebebasan Dalam Perniagaan (BSS_{it})** indeks yang mengukur kebebasan dalam perniagaan yang digunakan pelbagai negara.
- IX. **Inflasi (INF_{it})** menurut Ismail, R. (2010), kadar inflasi merupakan satu keadaan yang ditempuhi oleh sesebuah ekonomi yang menunjukkan kenaikan tingkat harga umum yang berterusan dan tidak terbatas. Pembolehkan ubah ini digunakan kerana kadar inflasi boleh memberikan kesan kepada kos dan penghasilan bank

ANALISIS EMPIRIKAL

Perbincangan akan dibahagikan kepada tiga bahagian. Dalam bahagian pertama akan menerangkan analisis diskriptif pembolehkan ubah dan bahagian kedua adalah ringkasan kolerasi matrik dan terakhir adalah hasil penganggaran dari model yang telah diubah suai.

ANALISIS DISKRIPITIF

Analisis deskriptif bertujuan melihat ciri statistik data setiap pembolehkan yang digunakan dalam model kajian yang dibentuk. Antara ciri statistik dalam menentukan kelakuan statistik pembolehkan adalah min, median, sisihan piawai (*standard deviation*), kepencongan (*skewness*), kepuncakan (*kurtosis*) dan nilai Jaque-Bera. Min merujuk kepada nilai purata setiap pembolehkan bagi keseluruhan sampel kajian, manakala standard deviation (*sisihan piawai*) menunjukkan variasi (*serakan*) data dari nilai min. Merujuk kepada jadual 2 pembolehkan BSS_{it} mempunyai nilai min yang paling besar berbanding

LIQ_{it} yang mempunyai nilai min yang paling kecil dan paling kurang berserakan dari segi taburan data. Ringkasan statistik juga menunjukkan keseluruhan data sampel pencong ke kanan. Nilai kurtosis menunjukkan nilai melebihi nilai taburan normal di mana taburan data adalah berbentuk *leptokurtic* di mana pembolehkan

FCL_{it} mencatat nilai terendah iaitu 1.275148 manakala pembolehkan

LIQ_{it} menghampiri nilai taburan normal iaitu 1.908100. seterusnya ujian Jarque-Bera dilakukan bagi menguji sama ada data yang digunakan adalah bertaburan normal ataupun sebaliknya. Hasilnya didapati semua data bagi pembolehkan yang digunakan signifikan pada aras keertian 0.05 peratus. Keputusan ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan data yang digunakan dalam kajian ini tidak bertaburan normal. Oleh itu penganggaran secara kuasa terkecil adalah tidak sesuai dengan data kajian.

RINGKASAN KOLERASI MATRIK

Analisis kolerasi merupakan kaedah mudah untuk mengesan kewujudan hubungan(kolineariti) berbilang dalam data berdasarkan matriks kolerasi pemboleh ubah. Ia menguji dan mengukur darjah kekuatan (nilai mutlak) hubungan di antara Y dan X. Melalui ujian kolerasi juga dapat menentukan jenis hubungan atau tanda arah rajah sama ada bergerak dari kiri ke kanan atau kanan ke kiri. Dengan itu, nilai kolerasi yang agak tinggi diantara dua pemboleh ubah bebas menunjukkan kemungkinan kewujudan kolineariti berbilang.

Jadual 3 menunjukkan hasil kolerasi matriks antara pemboleh ubah bersandar (financing) dan pemboleh ubah bebas yang lain. Kolerasi matriks menunjukkan kesemua pemboleh ubah berhubung secara positif

HASIL PENGGANGGARAN MODEL

Analisis penganggaran dilakukan bagi gabungan data siri masa dan keratan rentas yang mengambil kira model yang telah dibentuk. Penganalisis data dalam bahagian ini adalah melibatkan pengujian terhadap beberapa kaedah model iaitu model tanpa kesan (*no effect*), kesan tetap (*fixed effects*) dan juga kesan rawak (*random effect*). Hasil kajian dapat dilihat dalam jadual 4. Jadual 4 menunjukkan proses pengujian yang dilakukan untuk memilih model terbaik antara ketiga-tiga model yang dinyatakan disamping untuk memastikan ketepatan sesuatu proses penganggaran.

Di dalam jadual 4 dalam ujian terhadap model yang dibentuk menunjukkan nisbah-F yang digunakan adalah lebih besar nilainya daripada nilai kritikal. Maka dapat disimpulkan bahawa model kesan rawak adalah tidak sesuai dalam kajian ini. Sebaliknya model kesan tetap adalah lebih sesuai.

Kaedah yang sama juga digunakan bagi membandingkan antara model kesan tetap dan kesan rawak tetapi menggunakan Ujian Hausman (Hausman Test). Hipotesis nol bagi kajian ini adalah model kesan rawak adalah lebih baik berbanding model kesan tetap dan sebaliknya dengan hipotesis alternatif. Nilai statistik Chi-Square bagi model adalah signifikan. Secara langsung menunjukkan hipotesis nol yang menyatakan penganggaran model kesan rawak lebih baik daripada kesan tetap adalah diterima. Selain itu, R^2 model kesan tetap adalah merupakan nilai R^2 tertinggi berbanding model kesan rawak dan model tanpa kesan.

Berdasarkan jadual 3 dapat dilihat bahawa kesemua pemboleh ubah adalah signifikan kecuali INF_{it} , $SIZE_{it}$, MGS_{it} yang berhubung secara songsang dengan nisbah kualiti aset. Hasil yang tidak signifikan ini menunjukkan bahawa inflasi, size perbankan dan tidak mempengaruhi kualiti aset selepas proses liberalisasi dijalankan.

Pemboleh ubah CAP_{it} menunjukkan hubungan yang signifikan dan berhubung secara langsung dengan pemboleh ubah kualiti aset. Ini menunjukkan bahawa bank dalam sampel mempunyai mudah tunai yang tinggi yang digunakan dalam aktiviti-aktiviti yang menjana keuntungan. Menurut Maria Conceta Chiuri, Giovani Ferri dan Giovani Majnoni bukan sahaja tetapi aset mudah tunai sangat signifikan dengan kualiti aset.

Bagi pemboleh ubah IIR_{it} pula berhubung secara positif dengan nisbah kualiti aset. Dapatan ini menunjukkan perbankan islam mempunyai insentif yang kuat untuk menawarkan lebih banyak pembiayaan sejajar dengan peningkatan kadar faedah yang akan meningkatkan keuntungan secara langsung membawa kepada kukuhnya kualiti aset

Pemboleh ubah LIQ_{it} berhubung secara signifikan dengan kualiti aset. Ini menunjukkan perbankan islam mempunyai nisbah mudah tunai yang tinggi. Ini bertepatan dengan Adesina Uthman Ghaniyat di mana beliau melihat aset mudah tunai bank memberi pulangan yang tinggi kepada bank berbanding aset tidak cair yang lain.

Bagi pemboleh ubah kebebasan ekonomi yang signifikan dan berhubung secara positif iaitu pemboleh ubah adalah BSS_{it} , $OVRL_{it}$ dan FCL_{it} yang menunjukkan tahap keterbukaan dalam ekonomi, perdagangan dan juga kewangan menyumbang kepada peningkatan kualiti aset sesebuah bank. Kenyataan ini di sokong oleh Abu Dzarr dan Maruiani, 2011 dalam kajian beliau mendapati liberalisasi mampu meningkatkan kecekapan dari segi pengurusan kos dan mengurangkan risiko melalui kemasukan bank asing dan penukaran operasi perbankan di bank konvensional kepada subsidiari bank islam sepenuhnya yang dapat meningkatkan tingakat pengurusan kualiti aset perbankan di Malaysia.

KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa pembolehubah makroekonomi turut memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pengurusan aset dimana perbankan islam perlu teliti dalam menjana keuntungan yang banyak dalam masa yang sama perlu memikirkan berkaitan dengan risiko yang perlu diambil oleh bank. Kurangnya perhematan pemberian pinjaman punca bank bakal berdepan dengan kualiti aset yang lemah. Selain itu juga, kajian ini mengemukakan beberapa implikasi dasar yang dilihat bersesuaian dengan kelakukan perbankan islam dalam meningkatkan kualiti aset iaitu:

- I. Dari segi perbankan, kualiti aset menunjukkan tingkat relatif pinjaman bermasalah yang dimiliki oleh bank. Pengawal selia kebiasaannya akan meneliti terma dan dokumentasi pinjaman pelanggan, terutamanya bagi mereka yang mempunyai baki tertunggak bagi menentukan magnitud kemungkinan kerugian pinjaman. Jika proses bayaran balik tidak memuaskan, pengawal selia akan memaksa bank untuk mengiktiraf kerugian tersebut seterusnya memperuntukan rizab kerugian pinjaman bagi menampung kerugian masa depan
- II. Hasil daripada pembolehubah kiberalisasi iaitu FCL, OVR dan BSS diatas menunjukkan kebebasan ekonomi mampu membawa impak positif dalam perbankan islam. liberalisasi dapat meningkatkan kecekapan dari segi pengurusan kos dan mengurangkan risiko melalui kemasukan bank asing dan penukaran operasi perbankan di bank konvensional kepada subsidiari bank islam sepenuhnya yang dapat meningkatkan tingkat pengurusan kualiti aset perbankan di Malaysia
- III. Malaysia adalah adalah ditahap kebebasan yang sederhana. Adalah penting bagi sesebuah kerajaan untuk menggalakkan kebebasan ekonomi dengan menyediakan sebuah struktur yang sah dan sistem pelaksanaan undang-undang yang dapat meningkatkan pengawalseliaan operasi perbankan yang lebih telus dan adil. Kebebasan hanya akan berlaku jika tidak wujud kekangan atau dengan kata lain, semakin sedikit campur tangan kerajaan, semakin tinggi tingkat kebebasan ekonomi sesebuah negara.
- IV. Selain itu, walaupun perbankan islam semakin rancak mengejar keuntungan berdasarkan pembiayaan dan pelaburan, bank perlu meneliti setiap risiko yang perlu ditanggung bagi mengurangkan kerugian. Peningkatan nisbah kualiti adalah suatu yang serius dan bank perlu membuat peruntukan hutang lapuk dan bermasalah bagi menampung kerugian daripada pembiayaan. Daripada kajian yang telah dijalankan, terdapat beberapa cadangan yang boleh dilakukan pada masa hadapan antaranya mengkaji kaitan perhubungan kulaiti aset dengan persekitaran ekonomi dengan menambah lagi pembolehubah dasar kewangan, meluaskantahun kajian untuk mendapatkan gambaran yang lebih tepat, menjalankan kajian menggunakan data bulanan agar ilmu yang dikaji dapat digunakan dan dimanfaatkan bersama.

RUJUKAN

- Abu Dzarr Muhammad Rus, Mariani Abdul Majid & Abu Hassan Shaari Mohd Nor (2011), “ Liberalisasi Kewangan dan Kecekapan Kos pentadbiran Islam dan Konvensional: Pendekatan Analisis Stokastik”, *Jurnal Ekonomi Malaysia* jilid 45, h. 89-100.
- Santoh Kumar Das (2010), “Financial Liberalization and Banking Sector Efficiency :India Experience” *Persidangan kewangan ke -12 , 11-12 Mac 2010, IGIDR: Mumbai.*
- Christan Roland (2010), “Banking Sector Liberalization in India,” *Ninth Capital Market Conference in India Institute of Capital Market, h.1-9.*
- Cp Chandra Sekhar (2008), *Financial Liberalization and The New Dynamics of Growth in India, Penang: Third World Network.*
- Kumbhakar, S. dan Wang, D. (2007), “ conomic Reforms, Efficiency and Productivity in Chinese Banking,” *Journal of Regulatory Economics* Vol. 32, No.2, h.105-129.
- Jiang Yu Wong (2006), “ inancial Liberalization in East Asia: Lessons From Financial Crises and The Chinese Experience of Controlled Liberalization,” *Journal of World Trade, Forth coming.*
- Shankaran Nambiar (2003), “Malaysia Response To The Financial Crisis: Reconsidering The Viability of Unorthodo Policy,” *Asia-Pacific Developmen Journal, Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia.*
- Pankij Mishra dan Surerder Kumar Gupta (2012), “Liberalization of Bnaking Sector and Its Impaction India Economy,” *International Journal of Research in Management and Technology , Vol.2, No.4, h.36-47.*
- Tahir, L.M., Bakar, N.M. A. & Haron, s. (2009), “ Evaluating Efficiency of Malaysian Bank Using Data Envelopment Analysis,” *International Journal of Business and Management Research* 4(8).

CAP	0.1380*	1.000000								
LIQ	0.4816***	0.093881	1.000000							
SIZE	-0.3175***	-0.5522***	-0.6330***	1.000000						
OVRL	-0.5700***	0.2332**	0.035699	-0.2584**	1.000000					
FCL	-0.6963**	0.1767*	-0.2108**	-0.0969	0.9308**	*	1.000000			
BSS	-0.1443**	0.6177***	0.3166***	0.7833**	0.7201**	0.6228**	*	*	*	1.000000
MGS	-0.3335***	-0.5859***	-0.5330***	0.9819**	-0.1754*	-0.040075	*	0.7546**	*	1.000000
IIR	-0.1174*	0.1298*	0.4677***	0.6724**	0.6144**	0.3957**	0.6872**	0.6184**	*	1.000000
INF	0.3604***	0.0883	0.3290	-0.12285*	0.0085	-0.2673**	-0.0174	-0.0798	0.2364**	1.000000

* Signifikan pada 1% ** Signifikan pada 5% *** Signifikan pada 10%

JADUAL 4 : Ujian Spesifikasi dan diagnostik (Keputusan penentuan model terbaik)

JENIS UJIAN	STATISTIK	KEPUTUSAN
Cross- section F	F	125.16 (0.0000)
Cross-section Chi-square	χ^2	317.59 (0.0000)
Ujian Hausman		18.63 (0.028536)

* Signifikan pada 1% ** Signifikan pada 5% *** Signifikan pada 10%

PEMBOLEH UBAH	MODEL TANPA KESAN	MODEL KESAN TETAP	MODEL KESAN RAWAK
Constan	-0.3904 (1.0345)	-	-0.2799 (0.9396)
CAP	0.1130*** (0.0123)	0.1437*** (0.0116)	0.1337*** (0.0112)
SIZE	0.2140** (0.0752)	0.1472 (0.1237)	0.2394* (0.1015)
MGS	0.5374* (0.2930)	0.2511 (0.3501)	0.1384 (0.3104)
IIR	0.0958* (0.0450)	0.0540* (0.0368)	0.0596* (0.0367)
LIQ	0.0806*** (0.0201)	0.0835*** (0.0171)	0.0877*** (0.0168)
FCL	0.0088** (0.0034)	0.0057* (0.0030)	0.0076** (0.0029)
OVRL	-0.1248*** (0.0170)	-0.06788*** (0.0156)	-0.0830*** (0.0151)
BSS	0.0467*** (0.0083)	0.0323*** (0.0070)	0.0364*** (0.0069)
INFLASI	-0.0008 (0.0072)	0.0004 (0.0058)	0.0002 (0.0058)

Durbin Watson Test	2.6716	2.6716	2.6716
R^2	0.8965	0.9391	0.3729

* Signifikan pada 1% ** Signifikan pada 5% *** Signifikan pada 10%
- nilai dalam kurungan adalah nilai t-Statistik